

KELESTARIAN ALAM SEKITAR

Tukar sampah kepada duit



Bersama
Yusmizal
Dolah Aling

B

eberapa tahun lalu, rakyat negara ini dihidangkan dengan iklan kitar semula sampah yang mendominasi slot perdana hampir setiap hari dengan promosi biri untuk kertas, coklat untuk kacau dan jingga untuk tin aluminium.

Idukuan lagi dengan kemeni di peringkat sekolah sehingga ada pelajar yang begitu seronok untuk memjak tin minuman berkarbonat semata-mata ingin menjimatkan ruang di dalam tong dan ia antara promosi yang cukup berjaya pada waktu itu.

Selaras beberapa lama, kita melihat ia semakin suram, tiada lagi kempen yang 'menggilas' malah di sesetengah tempat, tong biru sudah difisi kaca dan lebih teruk, tong jingga dan coklat dipenuhi sisa pepejal lain termasuk sampah basah buangan dari kawasan perumahan.

Tertanya juga, apa sudah jadi dengan usaha kerajaan mendidik masyarakat untuk mengasingkan sampah mengikut kategori yang antara lain tujuannya duh hanyalah berkisar kepada mahu menjaga alam sekitar atau istilah terkininya melestarikan alam sekitar.

Sehingga pada 3 November lalu apabila Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melancarkan Dasar Kebersihan Negara tujuannya sama juga iaitu menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara lebih sejahtera, bersih dan aman dalam mengurangkan sisa pepejal dan sampah dengan cara yang baik.

Dengan memberi fokus kepada lima kluster bersama 14 strategi komprehensif, menggariskan 87 pelan tindakan bagi memperinci pelaksanaan diambil kerajaan Persekutuan, pihak berkuasa negeri, kerajaan tempatan dan agensi berkaitan, ia satu lagi langkah berat diambil untuk memastikan kelestarian alam sekitar yang sebenarnya bermula dari dalam diri setiap rakyat sendiri.

Ini kerana rekod Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) menunjukkan rakyat Malaysia menghasilkan kira-kira 37,890 tan sisa setiap hari dengan sekurang-kurangnya 1.17 kilogram (kg) dijana setiap seorang.

Jumlah yang banyak bukan? Namun jika ia diuruskan dengan



teratur dan berdisiplin, ia boleh bertukar menjadi *Trash to Cash*, seperti di sesetengah negara maju yang mana ada rakyatnya menjadikan sampah sebagai punca pendapatan.

Semuanya bermula dari dalam diri kita, sama ada kita ingin menukar barang berharga menjadi sampah atau sebaliknya kerana datanglah apa bentuk kempen sekali pun, jika kita tidak mendisiplinkan diri untuk membuat sampah seperti sepatutnya, ia tidak akan merubah apa-apa.

Negara seperti Jepun dan Singapura sudah membuktikan betapa sampah boleh memberikan pulangan jika diuruskan dengan baik, malah sisa pepejal jika diproses dengan betul akan bertukar kepada bahan kompos yang paling cocok dengan pertanian di tanah kita.

Sekurang-kurangnya begitu.

Pokok pangkalnya, kita bukan

saja perlu tahu, tetapi memahami dengan jelas bahawa pengurusan sampah dengan cara betul ini penting kerana bukan saja memberi kesan kepada alam sekitar pada masa depan seperti pencemaran air dan tanah yang akan mengganggu sumber air negara, tetapi boleh mengisi duit ke poket kita kelak.

Bunyinya mungkin pelik, tetapi itu dibuktikan di dua negara di mana pesara mengumpulkan bahan kitar semula untuk mendapatkan mata terkumpul yang kemudian menukaranya dengan barang asas yang boleh menampung kegunaan dalam tempoh dua minggu.

37,890
jumlah tan sampah
dihasilkan penduduk
Malaysia setiap hari

Lalu, lima kluster dalam dasar itu ia itu kesedaran terhadap kebersihan, kelestarian alam sekitar, ekonomi kitaran, tadbir urus dan penguatkuasaan, serta modal insan, berkualiti dan berkemahiran sebenarnya bukan angan-angan Mat Jenin kerana jika dimulakan dengan disiplin yang tinggi, Malaysia juga mampu menghasilkan usahawan sampah teknikal beberpa bidang lain dan sudah gulung tikar.

Dasar seperti ini memerlukan sokongan semua orang yang positif memikirkan bahawa tinggal di kawasan yang bersih bukan saji baik untuk kesihatan, malah boleh menjadi satu karier untuk memperoleh pendapatan tambahan dan siapa tahu satu hari, jutawan yang asalnya hanya sebagai pemungut sampah adalah perkara yang biasa saja.

>>Penulis Wartawan
Harian Metro

Pengurusan sampah dengan betul penting kerana bukan saja memberi kesan kepada alam sekitar pada masa depan, tetapi boleh mengisi duit ke poket kita